

8.10.2018

KENYATAAN MEDIA

oleh Dato' Ir. Jaseni Maidinsa,
Ketua Pegawai Eksekutif,
PBA Holdings Bhd (PBAHB) dan
Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP)

GANGGUAN ELEKTRIK DI BUKIT BENDERA: PBAPP MENGEPAM AIR KE ATAS BUKIT UNTUK PASTIKAN KEPERLUAN PELANGGAN

- **Punca:** Gangguan elektrik di Bukit Bendera sejak 4.10.2018 (Khamis)
- **Kesan:** Muka sauk air mentah Tiger Hill tidak boleh beroperasi. Air Kolam air Loji Rawatan Air (LRA) Bukit Bendera terus mengalami penyusutan pada 6.10.2018 (Sabtu), menyebabkan gangguan bekalan air tidak berjadual.
- **Solusi PBAPP:** Pengepaman air terawat 4-peringkat ke atas bukit dari LRA Air Itam bermula 7.10.2018 (Ahad).

PULAU PINANG, ISNIN, 8/10/2018: Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP) mengepam air dari Loji Rawatan Air (LRA) Air Itam ke Bukit Bendera untuk memulihkan gangguan bekalan air tidak berjadual yang disebabkan oleh gangguan bekalan elektrik.

Langkah tindakan kecemasan ini telah memulihkan bekalan air di semua kawasan atas bukit sejak 11.00 malam semalam (Ahad).

Pada 4.10.2018 (Khamis), berlaku gangguan bekalan elektrik di Bukit Bendera. Berikutan gangguan ini, muka sauk air mentah Tiger Hill PBAPP tidak dapat beroperasi secara normal untuk menyalurkan air mentah ke LRA Bukit Bendera untuk rawatan, dan seterusnya untuk pengagihan.

Sehingga 6.10.2018 (Sabtu), PBAPP masih terus membekalkan air dari kolam air di LRA Bukit Bendera sehingga simpanan air terawat menyusut

terus.

Oleh kerana tiada bekalan elektrik ke muka sauk air mentah Tiger Hill sehingga 6.10.2018 (Sabtu), PBAPP mengaktifkan sistem bekalan air alternatif untuk mengepam air terawat dari LRA Air Itam ke atas bukit berketinggian 833 meter itu.

Ini adalah sistem pengepaman 4-peringkat yang memerlukan penempatan 4 stesen pam yang terletak dari bahagian bawah ke puncak bukit. Walau bagaimanapun, pada peringkat ketiga, salah satu stesen pam, mengalami masalah. PBAPP terpaksa memindahkan alat gantian dan peralatan ke atas bukit pada malam Sabtu.

Pam itu telah berjaya dibaiki pada 7.10 2018 (Ahad). PBAPP mula dapat mengepam air ke atas bukit. Menjelang jam 11.00 malam, bekalan air ke semua kawasan di Bukit Bendera telah dipulihkan.

Sehingga jam 10.30 pagi hari ini, PBAPP terus mengepam air terawat dari LRA Air Itam hingga ke Bukit Bendera.

Kami akan terus berbuat demikian sehingga operasi bekalan air dari muka sauk air mentah Tiger Hill dan LRA Bukit Bendera normal dan stabil.

PBAPP memohon maaf di atas kesulitan yang berlaku. Bagaimanapun, perlu dinyatakan bahawa punca utama gangguan bekalan air tidak berjadual ini adalah gangguan bekalan elektrik di Bukit Bendera yang bermula dari 4.10.2018.

Terima kasih.

Dato' Ir. Jaseni Maidinsa,
Ketua Pegawai Eksekutif,
PBA Holdings Bhd (PBAHB) dan
Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP)

Dikeluarkan oleh : Puan Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah
Unit Komunikasi Korporat
Tel : 04-200 6607 Email : syarifah@pba.com.my